

14/01/2004

Pertemuan 50 minit Pak Lah, Chok Tong buka harapan

Hishamuddin Aun

ENAM barisan yang mengandungi lapan kerusi setiap satu siap tersusun di dewan besar Istana di Singapura, menggambarkan jangkaan tuan rumah terhadap sambutan hangat kepada sidang akhbar bersama Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Goh Chok Tong, petang kelmarin.

Sejurus kedua-dua Perdana Menteri memasuki dewan pada jam 2.25 petang dan mengambil tempat di dua rostrum bersebelahan menyerupai sidang akhbar di pekarangan Rumah Putih atau Camp David di Amerika Syarikat, tiada satu pun kerusi yang ditinggalkan kosong dengan saki-baki pegawai kedua-dua pihak terpaksa berdiri.

Sejurus Chok Tong memperkenalkan tokoh di sebelahnya selaku Perdana Menteri Malaysia yang baru, juga seorang rakan yang sudah lama dikenalnya, harapan besar seolah-olah boleh dihidu terhadap Abdullah daripada kelompok wartawan pelbagai media tempatan Singapura dan agensi berita asing yang selama ini sudah terbiasa dengan ketajaman lidah Tun Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri Singapura itu sendiri tidak dapat mengelak daripada membuat perbandingan sambil merujuk kepada kebuntuan isu-isu dua hala pada era kepemimpinan Dr Mahathir yang diumpamakannya sebagai 'simpul mati' yang tidak mungkin terungkai lagi.

Kunjungan singkat Abdullah - biarpun selama empat jam - mengundang persepsi berbeza. Sejurus diumumkan Chok Tong mengenai persetujuannya terhadap pendekatan rakan sejawatannya itu untuk mencuba kaedah rundingan sekali lagi daripada merujuk terus isu yang menjadi kebuntuan kepada pihak ketiga, sengketa masa lalu seakan-akan terus dilupakan.

Lantaran jolokannya sebagai 'Mr Clean' dan pendekatan penuh berdiplomasi berkat pengalaman sebagai Menteri Luar selama lapan tahun sejak 1991, harapan memuncak seolah-olah kunjungan Abdullah kelmarin, yang sekadar untuk menghulurkan salam perkenalan, dapat merungkai segala permasalahan sekali gus.

Pegawai-pegawai kanan di Putrajaya turut berkongsi kebimbangan Perdana Menteri bahawa lawatannya kali ini digembar-gemburkan, hingga memberi gambaran sama ada secara pakej seperti yang dituntut Singapura atau secara berasingan seperti dipertahankan Malaysia, segala pertikaian akan menemui penyelesaian dalam masa terdekat.

Tidak mungkin semakan harga air mentah daripada kadar empat sen bagi setiap 1,000 gelen mengikut perjanjian 1961 dan 1962 dapat diselesaikan sedemikian mudah.

Pelan jambatan baru yang bakal dibina Malaysia untuk disambungkan dengan Tambak Johor di sebelah Singapura, yang belum memutuskan untuk membina jambatan baru di pihaknya gara-gara nostalgia yang menghambat Chok Tong, tidak boleh diharapkan kembali lurus pada pertemuan 50 minit.

Tetapi kepetahan Abdullah dalam menangani dua soalan yang diperuntukkan kepada masing-masing pemimpin, lebih daripada memadai untuk menerbitkan harapan bahawa penyelesaian masih boleh diikhtiarkan di meja rundingan, selagi ada iltizam politik dan keikhlasan kedua-dua pihak.

Menyusuli soalan pertama yang ditujukan kepadanya oleh Straits Times Singapura, Perdana Menteri berceloteh mengenai bagaimana wartawan berkenaan, Paul Jacob, tidak pun berbeza dari segi penampilan, warna kulit dan tutur kata.

Apa yang tersirat ialah kedua-dua negara adalah daripada rumpun yang sama tanpa mana-mana pihak dapat memadamkan ikatan sejarah kewujudan

masing-masing untuk memungkinkan keintiman kembali terjalin.

Kerana itu juga, tidak harus ada 'simpul mati' selagi ia ditangani dengan kelembutan dan biarlah pertikaian terhadap pemilikan Pulau Batu Putih yang dituntut Singapura serta penambahan laut oleh republik itu sebagai dua isu yang penyelesaiannya perlu diputuskan oleh pihak ketiga.

Malah, demi berlaku adil, ketegasan Dr Mahathir sebelumnya pun bukan tanpa sebab. Sikap berdolak-dalik Singapura hingga tergamak mendedahkan surat di antara kedua-dua pemimpin di Parlimen republik itu serta dicetak untuk tatapan umum, jelas melanggar tata susila perundangan.

Untuk hubungan dua hala mengorak langkah ke hadapan, bukan hanya Malaysia yang harus dipertanggungjawabkan bagi mengambil pelbagai daya usaha mencadangkan bagaimana kebuntuan boleh dileraikan.

Lebih daripada itu, Singapura perlu turut bersikap terbuka menerusi cadangan balas yang tujuannya untuk menjayakan topik yang menjadi bahan perbincangan dan bukan mengada-adakan alasan bagi terus menggagalkannya.

Berdasarkan nota butir-butir percakapannya dalam pertemuan kelmarin, Abdullah sendiri turut sarat dengan harapan besar tanpa Malaysia dan Singapura berupaya melupakan hakikat bahawa masing-masing mempunyai hubungan dua hala yang cemerlang dalam banyak bidang, termasuk perdagangan, pelaburan, pelancongan, pertahanan dan keselamatan.

Di sebalik masih ada isu tertanggung yang kerap menyaksikan pertikaman lidah pada masa lalu, Malaysia memilih untuk mengambil sikap positif dan konstruktif agar jalan keluar daripada kebuntuan selama ini dapat dicari kesudahannya.

"Kami percaya kita boleh melangkah ke hadapan dalam menyelesaikan isu-isu ini menerusi semangat kejiranan dan setia kawan," kata Perdana Menteri dalam mesyuarat terhad selepas pertemuan empat mata dengan Chok Tong, kedua-duanya dikhabarkan berlangsung dalam suasana amat mesra.

Seterusnya, Abdullah menyimpulkan bahawa Malaysia:

- * Bersetuju untuk terus meningkatkan hubungan dua hala dengan menganjurkan rundingan tahunan dan pertukaran lawatan di kalangan menteri, pegawai kanan dan pemimpin belia;

- * Yakin kunjungan hormat kelmarin akan membuka jalan kepada pegawai kanan kedua-dua negara bertentang mata untuk kembali berbincang dan berjabat salam di hujungnya dalam masa terdekat;

- * Mengulangi komitmen untuk menyelesaikan semua isu tertanggung, dengan saranan ia dibincangkan secara berasingan berbanding secara pakej yang mengekang kemajuan rundingan; dan

- * Yakin bahawa pertemuan yang berlangsung dalam sesingkat masa kali ini akan menyumbang secara positif terhadap mengukuhkan hubungan dua hala di samping meningkatkan prospek untuk menjalin kerjasama lebih rapat dan bermakna dalam pelbagai bidang.

Reaksi di pihak Singapura selepas pertemuan kedua-dua pemimpin kelmarin, nampaknya lebih condong mengembalikan tekanan kepada Malaysia untuk meyakinkan jirannya itu bahawa ia (Kuala Lumpur) memang sangat komited untuk kembali ke meja rundingan dengan saranan dan cadangan sesudah berfikir di luar lingkaran.

Jacob mencoretkan dalam analisisnya: "Apa juga harapan haruslah disulami kesedaran bahawa walaupun perubahan berlaku di peringkat kepemimpinan, kesukaran yang melingkari isu-isu yang menjadi kebuntuan kekal tidak berubah.

"Dengan memilih untuk tidak menyetujui pilihan Singapura merujukkan pertikaian kepada pihak ketiga, kini terserah kepada Malaysia menunjukkan bahawa pendekatannya untuk mencuba rundingan sekali lagi benar-benar berbaloi diteruskan."

Harus juga diingatkan bahawa Singapura turut mempunyai tanggungjawabnya sendiri. Di sebalik pendiriannya untuk lebih mempercayai proses timbang

tara, persetujuan Chok Tong kelmarin untuk kembali berunding turut mengikatnya agar komited kepada matlamat yang sama.

Kalaupun ditakdirkan siri mesyuarat dan perbincangan yang dijangka dimulakan dalam masa terdekat tetap berakhir dengan kebuntuan, maka Singapura perlu menerima hakikat ia turut menjadi sebahagian sebabnya tanpa Malaysia boleh dipersalahkan semata-mata.

Dengan semangat kejiwaan dan setia kawan seperti diutarakan Abdullah, tiada siapa yang harus berasa sangsi bahawa apa yang dianggap sebagai 'simpul mati' sebelum ini hanya pada persepsi, bukan realiti.

Daripada kunjungan singkat Perdana Menteri kelmarin yang rata-rata dilihat sebagai "lawatan untuk mendengar pandangan", sidang akhbar yang diadakan pada akhir pertemuan kedua-dua pemimpin itu menyerlahkan Abdullah yang lebih banyak bersuara.

Semoga Singapura terus menjadi pendengar yang baik daripada hanya membentak untuk pandangannya saja didengar.